



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**PENERAPAN PENGAJARAN BERASASKAN MULTIMEDIA DALAM TEKS
SULALATUS SALATIN BAGI TINGKATAN 6**

NUR HIDAYAH BINTI KOMARUDIN



**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU DENGAN KEPUJIAN**



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

TANJONG MALIM, PERAK

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa Laporan Projek Tahun Akhir ini adalah hasil kerja saya yang asli
melainkan petikan yang tiap-tiap satunya telah diperjelaskan sumbernya.



Tandatangan:

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Nama: NUR HIDAYAH BINTI KOMARUDIN

No.Matrik: D20191087574

Tarikh: 24 FEBRUARI 2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENERAPAN PENGAJARAN BERASASKAN MULTIMEDIA DALAM TEKS
SULALATUS SALATIN BAGI TINGKATAN 6**

NUR HIDAYAH BINTI KOMARUDIN

D20191087574

Latihan ilmiah ini telsh diterima oleh Program Pendidikan Kesusasteraan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan kepujian pada semester satu sesi 2022/2023.



Penyelia

Dr Bazrul bin Bahaman

Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris.





PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayah-Nya kajian dan penulisan projek tahun akhir dapat saya sempurnakan dengan rasa penuh kesyukuran. Oleh itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelaras, Dr. Rohayati Binti Junaidi terumatanya dalam memberi tunjuk ajar dan gambaran dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah penyelia, Dr Bazrul bin Bahaman atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan penyelidikan dalam penulisan projek tahun akhir ini. Oleh itu, hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membala jasa dan pengorbanan yang ditaburkan oleh para pensyarah yang terlibat.



Saya ingin mengambil kesempatan untuk ribua terima kasih kepada ahli keluarga yang selalu memberi sokongan dan tunjuk ajar serta dorongan untuk menempuh pengajian ijazah selama empat tahun dan sentiasa ada di sisi saya. Pengorbanan ayahanda dan ibunda tercinta, Komarudin bin Harun dan Rohana binti Mohamad sangat bermakna bagi saya kerana meraka juga warga pendidik dan banyak memberi tunjuk ajar untuk laporan projek tahun akhir ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sepanjang saya menyiapkan kertas projek ini. Bantuan dan hasil perkongsian maklumat yang berkaitan dengan kertas projek yang diberikan oleh mereka telah menyakinkan saya untuk terus menyiapkan projek tahun akhir ini walaupun banyak dibatasi dengan kesibukan tugas lain.

NUR HIDAYAH BINTI KOMARUDIN

2022





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerapan pengajaran berasaskan elemen multimedia dalam teks *Sulalatus Salatin*. Multimedia merupakan segala bahan PdP yang mengabungkan unsur-unsur teks, grafik, animasi, imej, suara dan video seperti CD-ROM, permainan komputer dan sebagainya bagi membolehkan pengalaman sebenar terhadap tajuk yang diajar atau dipelajari. Tujuan penggunaan multimedia adalah sebagai alat komunikasi yang boleh merangsang pelbagai deria. Objektif kajian ini ialah i) Mengenal pasti penerapan pengajaran berasaskan multimedia dalam teks *Sulalatus Salatin* bagi Tingkatan 6. ii) Menganalisis tahap keberkesanan dalam mengaplikasikan pengajaran berasaskan multimedia bagi teks *Sulalatus Salatin* sebagai bahan bantu mengajar. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan ialah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan ini digunakan untuk rujukan bagi membuat item soal selidik dan untuk melengkapkan kajian seperti menyelitkan kajian lepas, teori dan sebagainya. Kaedah kuantitatif yang digunakan ialah soal selidik. Soal selidik ini digunakan untuk kedua-dua objektif kajian yang mempunyai 15 item di mana objektif 1 mempunyai 10 item dan objektif 2 pula mempunyai 5 item. Soal selidik ini memfokuskan kepada 38 orang pelajar tingkatan 6 dan 4 orang guru Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Dapatkan kajian mendapati bahawa ada responden yang tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju dengan item yang diberi. Dapatkan kajian bagi objektif 1 menunjukkan ada dapatan yang paling tinggi dan paling rendah berdasarkan item yang telah diutarakan dalam soal selidik. Hasil dapatan objektif 2 juga menunjukkan ada item yang mempunyai hasil dapatan yang paling tinggi dan paling rendah. Oleh itu, penerapan pengajaran berasaskan multimedia ini menunjukkan bahawa multimedia ini penting untuk mengaplikasikan pengajaran teks *Sulalatus Salatin* bagi menggantikan teknik analisis pembacaan yang menyukarkan pelajar untuk memahami peristiwa yang terdapat dalam teks ini. Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan guru perlu mengubah teknik pengajaran yang boleh digunakan untuk sesi PdP supaya dapat menarik minat pelajar dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik.

Kata kunci: *Sulalatus Salatin*, multimedia, PdP, bahan bantu mengajar, teknik pengajaran, teks, grafik, Kesusasteraan Melayu Komunikatif dan animasi.





ABSTRACT

This study aims to examine teaching applications based on multimedia elements in the *Sulalatus Salatin* text. Multimedia refers to all T&L materials that combine elements of texts, graphics, animations, images, sound and video, such as CD-ROM, computer games and so on, to enable an authentic experience of the topic being taught or learned. The purpose of using multimedia is as a communication tool that can stimulate various senses. The objectives of this study are i) To identify the application of multimedia-based teaching in the *Sulalatus Salatin* text for Form 6; ii) To analyze the level of effectiveness in applying multimedia-based teaching for the *Sulalatus Salatin* text as a teaching aid. The objectives of this study are i) To identify the application of multimedia-based teaching in the *Sulalatus Salatin* text for Form 6. ii) To analyze the level of effectiveness in applying multimedia-based teaching for the *Sulalatus Salatin* text as a teaching aid. This study used qualitative and quantitative methods. The qualitative method used is the library method. This bibliographic method is used to gather references to create questionnaire items and complete this study by inserting previous research, theories, etc. The quantitative method used is a questionnaire. This questionnaire is used for both research objectives, with 15 items, where objective 1 has ten items, and objective 2 has five items. This questionnaire concentrated on 38 Form 6 students and four teachers of Malay Communicative Literature. The study found that some respondents disagree, are unsure, agree, and strongly agree with the stated items. The findings for objective (1) show that there are the highest and lowest findings based on the items that have been stated in the questionnaire. The outcomes of objective (2) also show that there are items with the highest and lowest results. Therefore, the application of this multimedia-based teaching shows that multimedia is essential to apply the teaching of the *Sulalatus Salatin* text to replace reading analysis techniques that make it challenging for students to understand the events found in this text. Overall, this study shows that teachers need to change the teaching techniques that can be used for T&L sessions to attract students' interest by using attractive teaching aids.

Keywords: *Sulalatus Salatin*, multimedia, T&L, teaching aids, teaching techniques, texts, graphics, Malay Communicative Literature and animation.





KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv



1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	2
1.3. Pernyataan Masalah	4
1.4. Objektif Kajian	9
1.5. Persoalan Kajian	9
1.6. Batasan Kajian	9
1.7. Kerangka teori kajian/ kerangka konseptual	10
1.8. Kepentingan Kajian	13
1.9. Definisi Operasional	
1.9.1 PdP (Pengajaran dan Pembelajaran)	14
1.9.2 Kesusasteraan Melayu Komunikatif	14
1.9.3 Pendidikan	14
1.9.4 Elemen	15
1.9.5 Multimedia	15
1.10 Rumusan	15



**BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	17
2.2 Penerapan Pengajaran Multimedia melalui teks Sulalatus Salatin	18
2.2.1 Pendekatan Teori Kognitif Bruner (1915)	19
2.2.2 Penekanan pengajaran berdasarkan multimedia dalam PdP	23
2.2.3 Kesan Pengajaran Multimedia Terhadap Guru Dan Pelajar	26
2.3 Rumusan	31

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.3 Lokasi	34
3.4 Pensampelan / Sampel Kajian	34
3.5 Instrumen Kajian	
3.5.1 Kaedah Kepustakaan	35
3.5.2 Soal selidik	35
3.6 Kajian Rintis	36
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	38
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	38
3.9 Prosedur Penganalisisan Data	39
3.10 Rumusan	40



**BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	41
4.2 Demografi Responden	42
4.3 Mengenal pasti penerapan pengajaran berasaskan multimedia dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> bagi Tingkatan 6	49
4.4 Menganalisis tahap keberkesanan dalam mengaplikasikan pengajaran berasaskan multimedia bagi teks <i>Sulalatus Salatin</i> sebagai bahan bantu mengajar	65
4.5 Rumusan	73

BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	74
5.2 Perbincangan objektif 1: Mengenal pasti penerapan pengajaran berasaskan multimedia dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i> bagi Tingkatan 6	75
5.3 Perbincangan objektif 2: Menganalisis tahap keberkesanan dalam mengaplikasikan pengajaran berasaskan multimedia bagi teks <i>Sulalatus Salatin</i> sebagai bahan bantu mengajar	76
5.4 Rumusan Dapatan Kajian	78
5.5 Implikasi Kajian	80
5.6 Cadangan dan kajian lanjutan	82
5.7 Kesimpulan	85
RUJUKAN	87
LAMPIRAN	89





SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 3.5: Skala Aras Persetujuan	36
Jadual 4.1: Jantina	42
Jadual 4.2: Umur	44
Jadual 4.3: Status	46
Jadual 4.4: Pekerjaan	47
Jadual 4.5: Taraf Pendidikan	48
Jadual 4.6: Pengajaran berdasarkan multimedia sangat bersesuaian dengan pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i>	50
Jadual 4.7: Penerapan elemen multimedia mampu menjadikan bahan bantu mengajar yang boleh membantu untuk menggantikan kaedah pembacaan teks sahaja	52
Jadual 4.8: Elemen grafik mampu membantu pelajar dalam memberikan gambaran watak yang terdapat dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i>	53
Jadual 4.9: Penerapan elemen multimedia seperti audio visual mampu menarik perhatian pelajar untuk mengetahui peristiwa yang berlaku seterusnya	55
Jadual 4.10: Pengajaran berdasarkan multimedia mampu menghasilkan satu inovasi dalam pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i>	56
Jadual 4.11: Tugasan atau projek khas kepada pelajar mampu menghasilkan satu video multimedia yang menarik berdasarkan kreativiti pelajar.	58
Jadual 4.12: Penerepan elemen multimedia seperti teks mampu menjadikan	59





penyampaian sesuatu peristiwa yang lebih jelas dan menarik

Jadual 4.13: Guru boleh merancang terlebih dahulu untuk aktiviti 61

yang berkonsepkan multimedia sebelum PdP

Jadual 4.14: Penggunaan elemen multimedia seperti animasi dapat 62

menggerakan daya imaginasi pelajar semasa menonton video

Jadual 4.15: Pengajaran berasaskan multimedia sangat sesuai dengan 64

kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan komputer

Jadual 4.16: Pengajaran berasaskan multimedia mampu dijadikan sebagai 66

bahan bantu mengajar untuk teks *Sulalatus Salatin*

Jadual 4.17: Penyampaian elemen multimedia seperti teks mampu meningkatkan 67

kefahaman pelajar terhadap peristiwa yang berlaku dalam teks

Sulalatus Salatin



Jadual 4.18: Penggunaan elemen grafik mampu membantu untuk



memberi gambaran terhadap teks yang dijelaskan dalam

satu bentuk tayangan video

Jadual 4.19: Pengajaran berasaskan multimedia seperti animasi mampu 70

menjadikan suatu tayangan video multimedia yang lebih dinamik

Jadual 4.20: Penerapan elemen audio visual yang menarik mampu 72

menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan

berbanding pembacaan teks





SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 1.1: Model Kerangka Kajian	12
Rajah 2.1: Model Kerangka Kajian	22
Rajah 4.1: Jantina	43
Rajah 4.2: Umur	44
Rajah 4.3: Status	46
Rajah 4.4: Pekerjaan	47
Rajah 4.5: Taraf Pendidikan	49
Rajah 4.6: Pengajaran berasaskan multimedia sangat bersesuaian dengan pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i>	51
Rajah 4.7: Penerapan elemen multimedia mampu menjadikan bahan bantu mengajar yang boleh membantu untuk menggantikan kaedah pembacaan teks sahaja	52
Rajah 4.8: Elemen grafik mampu membantu pelajar dalam memberikan gambaran watak yang terdapat dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i>	54
Rajah 4.9: Penerapan elemen multimedia seperti audio visual mampu menarik perhatian pelajar untuk mengetahui peristiwa yang berlaku seterusnya	58
Rajah 4.10: Pengajaran berasaskan multimedia mampu menghasilkan satu inovasi dalam pengajaran teks <i>Sulalatus Salatin</i>	57
Rajah 4.11: Tugasan atau projek khas kepada pelajar mampu menghasilkan satu video multimedia yang menarik berdasarkan kreativiti pelajar.	58





Rajah 4.12: Penerepan elemen multimedia seperti teks mampu menjadikan penyampaian sesuatu peristiwa yang lebih jelas dan menarik	60
Rajah 4.13: Guru boleh merancang terlebih dahulu untuk aktiviti yang berkonsepkan multimedia sebelum PdP	61
Rajah 4.14: Penggunaan elemen multimedia seperti animasi dapat menggerakan daya imaginasi pelajar semasa menonton video	63
Rajah 4.15: Pengajaran berasaskan multimedia sangat sesuai dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan komputer	64
Rajah 4.16: Pengajaran berasaskan multimedia mampu dijadikan sebagai bahan bantu mengajar untuk teks <i>Sulalatus Salatin</i>	66
Rajah 4.17: Penyampaian elemen multimedia seperti teks mampu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap peristiwa yang berlaku dalam teks <i>Sulalatus Salatin</i>	67
Rajah 4.18: Penggunaan elemen grafik mampu membantu untuk memberi gambaran terhadap teks yang dijelaskan dalam satu bentuk tayangan video	69
Rajah 4.19: Pengajaran berasaskan multimedia seperti animasi mampu menjadikan suatu tayangan video multimedia yang lebih dinamik	70
Rajah 4.20: Penerapan elemen audio visual yang menarik mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan berbanding pembacaan teks	72





SENARAI SINGKATAN

- PdP : Pengajaran dan Pembelajaran
- PAK-21 : Pendidikan/Pembelajaran abad ke-21
- KMK : Kesusasteraan Melayu Komunikatif
- TMK/ICT : Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- PBK : Pembelajaran Berasaskan Komputer
- BBM : Bahan Bantu Mengajar
- KBKK : Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif
- KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia
- MPM₆₈₃₂ : Majlis Peperiksaan Malaysia
- STPM : Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
- KOMSAS : Komponen Sastera
- SMK : Sekolah Menengah Kebangsaan
- SPSS : *Statistical Package for the Social Sciences*





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada bab ini akan membincangkan tentang kajian penerapan pengajaran berasaskan multimedia dalam teks *Sulalatus Salatin* bagi tingkatan 6. Multimedia merupakan singkatan daripada daripada multi dan media yang telah digabungkan menjadi multimedia. Multi bermaksud banyak atau beberapa manakala media pula membawa maksud bahan perantaraan bagi penghantaran sesuatu benda atau cara komunikasi massa seperti akhbar, majalah, dan televisyen. Oleh itu, mata pelajaran *Kesusasteraan Melayu Komunikatif* bagi tingkatan 6 menumpukan teks *Sulalatus Salatin* yang dapat mengaplikasikan bahan pengajaran dalam bentuk multimedia. Oleh itu, sukatan mata pelajaran ini juga menyelitkam tajuk Multimedia dalam Sastera berdasarkan sukatan pelajaran yang dibuat oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Multimedia bermaksud segala bahan PdP yang mengabungkan unsur-unsur teks, grafik, animasi, imej, suara dan video seperti CD-ROM, permainan komputer dan program komputer bagi membolehkan pengalaman sebenar terhadap tajuk yang diajar atau dipelajari. Tujuan utama penggunaan multimedia adalah sebagai alat komunikasi yang boleh merangsang pelbagai deria. Menurut Halimah (1996) pula mentakrifkan multimedia sebagai salah satu kesepadan antara pelbagai media seperti teks, imej, numerik, grafik, video, animasi dan suara dalam satu persekitaran digital, di samping mempunyai keupayaan interaktiviti. Konsep ini menggabungkan unsur hiperteks dan





hipermedia. Menurut Feldman (1996) juga mendefinisikan multimedia merangkumi pelbagai media seperti teks, grafik, animasi, imej, suara dan video manakala menurut Dick W. & Reiser (1999), menyatakan bahawa teknologi pendidikan ialah satu sistem yang meliputi alat dan bahan media, organisasi yang digunakan secara terancang bagi menghasilkan kecekapan dalam pengajaran dan keberkesanan dalam pembelajaran. Menurut Gibson (2001), mendefinisikan multimedia sebagai satu sistem yang menggabungkan pelbagai media seperti teks, grafik, suara imej, animasi dan video yang membolehkan berlakunya hubungan dua hala (interaktiviti).

Pada bab ini membincangkan berkenaan latar belakang kajian tentang penerapan pengajaran berasaskan multimedia. Kemudian, sub topik seterusnya menjelaskan berkenaan pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Oleh itu, bab ini memberi gambaran mengenai batasan kajian, kerangka teori kajian atau kerangka konseptual dan kepentingan kajian serta definisi operasional kajian yang dijalankan. Bab ini diakhiri dengan rumusan bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penerapan pengajaran berasaskan multimedia merupakan satu kajian yang dilakukan berdasarkan Sulalatus Salatin yang digunakan sebagai teks bagi tingkatan 6 di mana teks ini merupakan karya klasik yang sukar untuk difahami dan mengambil masa yang lama untuk memahami teks. Dalam hal ini, menurut J.S Badudu dan Sutan Mohammad Zain (2010:1487), penerapan ialah perkara, kaedah atau hasil. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015:1665) menyatakan bahawa penarapan membawa maksud mempraktikkan sesuatu perkara supaya kaedah yang digunakan dapat memberi hasil.





Kajian ini dilakukan untuk melihat penerapan pengajaran multimedia yang sesuai untuk menyampaikan teks Sulalatus Salatin terutamanya dari segi peralatan untuk menayangkan bahan pengajaran berbentuk multimedia, elemen multimedia yang perlu ada dan sebagainya. Dalam hal ini, kajian ini juga memberi satu pededahan bakal guru dan guru tingkatan 6 dalam mengaplikasikan bahan pengajaran dalam bentuk multimedia terutamanya teks Sulalatus Salatin yang dikatakan sangat sukar untuk difahami kerana menggunakan bahasa Melayu klasik atau penggunaan bahasa istana. Oleh itu kajian ini terbatas kerana berfokuskan kepada pelajar tingkatan 6 yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif dan mempelajari teks Sulalatus Salatin sebagai karya klasik bagi mata pelajaran ini. Hal ini demikian kerana kajian ini merujuk kepada sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif melalui Majlis Peperiksaan Malaysia melalui tajuk Multimedia dalam Sastera di mana guru perlu menerapkan elemen multimedia seperti teks, grafik, audio visual dan animasi. Sukatan mata pelajaran ini juga membantu dalam melengkapkan maklumat yang diperlukan dari segi tajuk untuk sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di mana guru perlu mengetahui setiap fungsi elemen multimedia dan kelebihannya supaya pelajar dapat memahami pembelajaran dalam bentuk multimedia.

Kajian ini juga bukan sahaja untuk melihat penerapan multimedia seperti teks, grafik, audio visual dan animasi di mana penerapan ini dilihat melalui pengaplikasian elemen multimedia dalam membina bahan pengajaran dalam bentuk multimedia. Kajian ini juga ingin meninjau tahap keberkesanan pelajar tingkatan 6 dalam memahami teks Sulalatus Salatin melalui kajian lepas seperti Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia melalui kajian Pemerolehan Pembelajaran Bermakna Berasaskan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia yang menerangkan bahawa pembinaan pengetahuan berlaku melalui proses aktif kognitif iaitu memilih maklumat yang relevan, menyusun maklumat



menjadi perwakilan mental (model mental), dan mengintegrasikannya dengan pengetahuan sedia ada yang sesuai. Tahap keberkesanan dalam mengaplikasikan pengajaran berasaskan multimedia bagi teks Sulalatus Salatin sebagai bantu mengajar sangat penting kerana kajian ini juga ingin meninjau cara guru menyampaikan bahan pengajaran dalam bentuk multimedia. Oleh itu kajian ini juga dijalankan untuk mengubah teknik pembelajaran konvensional dan dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam menggunakan teknologi multimedia untuk pembelajaran bagi teks Sulalatus Salatin.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian ini berfokuskan tentang tentang penerapan pengajaran berasaskan multimedia yang sesuai untuk teks Sulalatus Salatin. Hal ini demikian kerana kebanyakan guru masih menggunakan kaedah menganalisis dan pembacaan teks untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Dalam hal ini, guru kurang berkemahiran dalam membina bahan pengajaran berasaskan multimedia terutamanya penggunaan slaid *PowerPoint*, tayangan video dan sebagainya. Mengikut kajian lepas melalui Teknologi Multimedia dalam Pendidikan Abad ke-21 yang membincangkan PdP yang mengaplikasikan unsur-unsur hipermedia seperti animasi, bunyi, grafik, teks, dan warna menjadikan persembahan lebih menarik dan mampu menarik minat pelajar. Oleh itu, pembelajaran menggunakan multimedia lebih berkesan dan sesuai diaplikasikan dalam pendidikan kerana mudah digunakan untuk menerangkan suatu pembelajaran yang ingin disampaikan (Azizi, 2009). Seterusnya, penggunaan multimedia juga dapat dijadikan sebagai medium komunikasi yang positif dan efektif kerana teks, audio, video serta animasi yang pelbagai warna dan corak mampu dipaparkan di atas sebuah skrin pada masa yang sama (Vaughan,

2014). Walau bagaimanapun, multimedia mampu menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat dan tepat kerana mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (Zamri dan Nur Aisyah, 2011). Sehubungan dengan itu, penggunaan teknologi komputer dan multimedia juga telah dikenal pasti dapat meningkatkan keupayaan kompetensi guru dan juga dapat melakukan penilaian semula terhadap pengajaran dan pendekatan pembelajaran mereka di dalam kelas (Siti Fatimah dan Ab. Halim, 2010). Selain itu, kaedah pengajaran berdasarkan komputer dan teknologi multimedia juga berupaya untuk menggantikan kaedah konvensional dengan pelbagai cara, terutamanya di dalam persekitaran bilik darjah yang menggunakan komputer (Nadzrah Abu Bakar, 2007). Oleh itu, guru perlu lebih bijak untuk mengambil peluang dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermakna. Oleh sebab itu, perkara ini sejajar dengan tanggungjawab guru untuk melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berfikir kreatif dan inovatif, penyayang dan berakhhlak mulia selaras dengan cabaran masa kini dan akan datang. Di samping itu, pelajar juga dapat mengintegrasikan kemahiran komputer secara tidak langsung dalam kehidupan mereka (Ashinida Aladdin, Afendi Hamat & Mohd Shabri, 2004).

Kajian ini juga mendapati bahawa penerapan multimedia masih lagi kurang adalah disebabkan oleh pelajar juga masih kurang berkemahiran dalam menggunakan elemen multimedia dalam mengaplikasikan teks Sulalatus Salatin dalam bentuk multimedia. Berdasarkan kajian lepas yang dijelaskan dalam kajian Robiatul Adawiyah dan Halimah (2010) yang menyatakan bahawa tingkah laku yang positif akan terhasil dalam kalangan pelajar apabila guru menggunakan alat bantu mengajar secara digital, iaitu perisian multimedia berbanding alat bantu mengajar konvensional yang menggunakan kad bergambar dan buku teks. Di samping itu, Hand (2009) dalam Maziah Othman (2013) berpendapat bahawa suasana pembelajaran dan pengajaran masa kini

menunjukkan keadaan segelintir guru yang masih cenderung menggunakan kaedah '*Chalk and Talk*' dengan guru secara total menjadi tutor kepada murid. Tambahan pula, Adenan Ayob (2011) ada menyatakan salah satu kelemahan media pembelajaran berorientasikan pendekatan tradisi ini ialah pelajar ditekankan dengan konsep abstrak di mana kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Multimedia interaktif merupakan integrasi lima elemen (teks, grafik, video, audio dan animasi). Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Data dianalisis secara kuantitatif dan deskriptif. Responden kajian pula terdiri daripada 30 orang pelajar tingkatan satu melalui pensampelan bertujuan, iaitu bertujuan menjawab objektif kajian. Dapatkan kajian menunjukkan hampir majoriti pelajar menanggapi persepsi yang positif terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kaedah ini dapat membantu pelajar lebih fokus selain memahami kandungan pelajaran dengan lebih mudah. Secara keseluruhannya, guru-guru perlu sedar bahawa aplikasi aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberi impak yang positif, bukan sahaja terhadap kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi guru itu sendiri yang dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran, malah pada masa yang sama dapat melahirkan pelajar yang kreatif, inovatif, celik IT dan berilmu pengetahuan. Kata Kunci: Persepsi, pelajar, multimedia interaktif, pengajaran, pembelajaran melalui kajian Che Ibrahim, Online Journal for TVET Practitioners Vol. 6 No. 1 (2021) p. 15-24 17 fakta ingat-balik. Sekiranya kaedah ini terus diguna pakai pada zaman murid-murid telah didedahkan dengan gajet dan teknologi maklumat mungkin dikhawatiri perkembangan kognitif mereka kurang menghasilkan kesan yang positif terhadap penguasaan ilmu pengetahuan.

Kajian lepas juga membuktikan pengajaran berdasarkan multimedia dalam teks Sulalatus Salatin mampu membantu guru dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Banyak kajian telah menyokong kelebihan teknologi multimedia dalam pendidikan termasuk multimedia mampu menggerakkan minda pelajar dalam mencetus idea baru yang dapat memberi pengetahuan baharu kepada mereka (Abdul Rasid, 2012). Kajian lepas yang boleh dikaitkan dengan kajian ini ialah Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 juga membincangkan proses pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 memerlukan murid yang aktif dan berkeupayaan menangani masalah bukan sahaja dengan bijak, malah secara sistematik, kreatif dan inovatif. Di samping itu, sukanan pelajaran kini semakin rencam dengan pelbagai maklumat baharu yang dikenangkan kepada pelajar bertujuan melahirkan pelajar yang berilmu. Oleh itu, untuk merealisasikan keadaan tersebut terhadap sistem pendidikan pada masa ini sememangnya perlu menerapkan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan membantu guru menyampaikan idea dengan bantu mengajar yang menarik untuk memotivasi minat dan mewujudkan daya tarikan dalam proses pembelajaran kurikulum pendidikan (Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azman, 2011). Dengan kaedah tersebut, pelajar cenderung menjadi aktif disebabkan kaedah pembelajaran yang menyeronokkan, sekali gus membantu meningkatkan pemahaman terhadap kandungan pelajaran yang diajar oleh guru.

Kemudahan untuk menyampaikan pengajaran berdasarkan multimedia sangat terhad terutamanya peralatan untuk memaparkan pengajaran dalam bentuk multimedia seperti slaid, video dan sebagainya. Berdasarkan kajian lepas untuk masalah ini, terdapat kajian iaitu Trend Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif Dalam Bidang Pendidikan Teknikal : Satu Sorotan Literatur di mana kajian ini membincangkan penggunaan komputer dan pelbagai perisian telah banyak digunakan dalam PdP di sekolah. Seterusnya, perkara ini telah memberi



impak terhadap pendidikan di Malaysia. Selain itu, pihak kementerian telah membekalkan pelbagai jenis peralatan elektronik ke sekolah-sekolah bagi menyokong sistem pembelajaran berasaskan komputer (PBK). Dalam hal ini, penggunaan komputer dan alat teknologi dalam pendidikan menjadikansatu-satu institusi pendidikan menjadi lebih maju dan berkembang pesat seiring dengan kemajuan semasa. Oleh itu, PBK dalam pendidikan semakin digalakkan untuk digunakan pada masa ini. Kaedah konvensional diselitkan dengan pembelajaran berbantuan komputer untuk merangsang minda pelajar supaya suasana pembelajaran menjadi lebih menarik dan bermakna (Kamarudin, 2004). Penyampaian maklumat yang berkesan hanya berlaku sekiranya bahan yang digunakan mampu menarik perhatian pelajar dan mempunyai kandungan yang baik. Menurut Muda (2006) pula menjelaskan bahawa guru hendaklah menggunakan berbagai-bagai jenis alat media pengajaran dan pembelajaran ketika menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran. Jenis-jenis alat media ini dipanggil bahan bantu mengajar (BBM). Oleh sebab itu, multimedia sememengnya mempunyai banyak kelebihan yang ketara kepada pengguna perisian ini untuk memilih teknik pembelajaran yang dirasakan sesuai dengan diri mereka sendiri dan para pendidik juga boleh memilih program multimedia dan menggunakan dalam persekitaran pembelajaran yang berlainan. Hal ini demikian kerana bahan multimedia telah diintegrasikan secara bersepada dan membentuk suatu program lengkap serta dapat disimpan dalam cakera keras komputer atau CD yang senang untuk dipindahkan dan dibawa berbanding dengan ABM biasa yang susah disimpan dan dibawa.



1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian bagi kajian ini:

- 1.4.1 Mengenal pasti penerapan pengajaran berdasarkan multimedia dalam teks *Sulalatus Salatin* bagi Tingkatan 6.
- 1.4.2 Menganalisis tahap keberkesanan dalam mengaplikasikan pengajaran berdasarkan multimedia bagi teks *Sulalatus Salatin* sebagai bahan bantu mengajar.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah penerapan pengajaran berdasarkan multimedia dalam teks *Sulalatus Salatin* bagi Tingkatan 6?
- 1.5.2 Bagaimanakah tahap keberkesanan dalam mengaplikasikan pengajaran berdasarkan multimedia bagi teks *Sulalatus Salatin* sebagai bahan bantu mengajar?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya bertumpu kepada sekolah di Zon Timur iaitu di sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai guru dan pelajar tingkatan 6 yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang mempelajari teks *Sulalatus Salatin* sahaja. Kajian ini sememangnya memfokuskan penerapan pengajaran yang sesuai dengan berdasarkan multimedia untuk mengubah teknik pengajaran analisis pembacaan teks Sulalatus Salatin yang digunakan oleh guru-guru. Kajian ini hanya menggunakan kaedah kepustakaan dan soal selidik untuk melihat keberkesanan proses PdP yang menggunakan multimedia terhadap guru dan pelajar. Keberkesanan proses PdP ini penting bagi tujuan pengumpulan data untuk

melengkапkan segala maklumat yang berkaitan dengan penerapan pengajaran berasaskan multimedia melalui teks Sulalatus Salatin.

1.7 Kerangka teori kajian/ kerangka konseptual

Kajian ini hanya bertumpu kepada penerapan pengajaran berasaskan multimedia dalam teks Sulalatus Salatin bagi tingkatan 6. Hal ini demikian kerana kajian ini menggunakan teori kognitif Jerome S. Bruner (1915) yang berfokus kepada informasi, transformasi dan evaluasi/penilaian. Dalam pengajaran sekolah, Bruner mencadangkan bahawa dalam pembelajaran hendaklah merangkumi pengalaman yang optimum untuk pembelajaran, struktur pengetahuan untuk pemahaman yang optimum (Nuryadi, 2018). Terdapat 3 peringkat dalam menyampaikan bahan perkara penting untuk dipertimbangkan bagi mengaplikasikan teori ini iaitu:


- a) Peringkat **Enaktif**: Pengetahuan kebanyakannya dalam bentuk gerak balas motor, pelajar boleh menunjukkan kerja fizikal daripada menerangkan tugas dengan tepat dan sama, dalam kes ini peserta masih memerlukan objek konkret sesuatu.
- b) Peringkat **Ikonik**: Pengetahuan yang paling banyak dibina daripada imej visual untuk Teori Kognitif Bruner dalam Pembelajaran bagi membentuk maklumat baharu, cara menyampaikannya ikonik berdasarkan pemikiran dalaman, ilmu disampaikan oleh sekumpulan gambar yang mewakili konsep, tetapi tidak menentukan sepenuhnya konsep.
- c) Peringkat **simbolik**: Pada peringkat ini pengetahuan telah dibina menggunakan simbol dan bahasa matematik. Persembahan secara simbolik dibuktikan dengan

kehendak seseorang memberi lebih perhatian kepada preposisi/penyataan daripada objek yang memberi struktur hierarki pada konsep dan kemungkinan alternatif dengan cara kombinatorial. Bruner dalam (Nuryadi, 2018).

Menurut Bruner, pembelajaran pada asasnya adalah proses kognitif yang berlaku pada seseorang. Menurut Sutarto (2017) menyatakan bahawa terdapat 3 proses kognitif dalam pembelajaran iaitu:

- a. Proses pemerolehan maklumat baru.
- b. Proses mengubah maklumat menerima.
- c. Menguji atau menilai perkaitan dan ketepatan pengetahuan

Pengajaran berdasarkan Multimedia dalam teks Sulalatus Salatin bagi Tingkatan 6. Rajah ini sebagai penjelasan tentang teori kognitif Bruner (1915) yang melibatkan 3 proses.



Rajah 1.1: Model Kerangka Kajian

Model kerangka kajian ini menunjukkan bahawa 3 proses kognitif dalam penerapan pengajaran berasaskan multimedia bagi teks Sulalatus Salatin melalui Teori Kognitif Bruner (1915) yang melibatkan 3 proses iaitu informasi, transformasi dan evaluasi/penilaian yang berfokus kepada penerapan pengajaran berasaskan multimedia untuk pembelajaran teks Sulalatus Salatin untuk mencapai 2 objektif kajian iaitu objektif 1 melalui soal selidik dan objektif 2 pula melalui temu bual dan pemerhatian.

1.8 Kepentingan kajian

- 1.8.1 Kajian ini dilakukan untuk memberi pendedahan kepada guru-guru yang masih lagi menggunakan teknik pembacaan teks untuk mengubah teknik pengajaran yang sesuai iaitu multimedia mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari teks Sulalatus Salatin.
- 1.8.2 Kajian ini juga penting untuk kajian yang akan datang bagi pendidikan abad ke-21 terutamanya kajian setiap elemen multimedia seperti teks, grafik, audio visual dan animasi yang boleh diaplikasikan menjadi satu bahan pengajaran multimedia yang boleh diakses secara terus.
- 1.8.3 Kajian ini juga dilakukan untuk meninjau tahap penguasaan pelajar dalam memahami teks Sulalatus Salatin berasaskan pengajaran dalam bentuk multimedia seperti tayangan video dan slaid.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 PdP (Pengajaran dan Pembelajaran)

PdP (Pengajaran dan Pembelajaran) dapat didefinisikan sebagai satu aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu yang mendorong kepada perubahan tingkah laku murid yang agak kekal dan stabil serta dihasilkan melalui pengalaman atau latihan. Dalam konteks kajian ini, pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran teks Sulalatus Salatin berdasarkan multimedia bagi tingkatan 6.

1.9.2 Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Kesusasteraan Melayu Komunikatif merupakan satu mata pelajaran elektif bagi tingkatan 4 dan 5 pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia manakala bagi tingkatan 6, mata pelajaran ini wajib diambil kepada pelajar yang mengambil aliran kemanusiaan sebagai subjek tambahan sekiranya pelajar mengambil mata pelajaran Sejarah, Seni Visual dan Bahasa Melayu. Kajian ini berfokus kepada mata pelajaran ini kerana teks kajiannya ialah teks Sulalatus Salatin untuk tingkatan 6 sebagai karya klasik.

1.9.3 Pendidikan

Pendidikan merupakan bidang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran yang membawa kepada perubahan tingkah laku murid. Guru adalah pendidik kepada murid agar lebih bermotivasi. Berdasarkan kajian ini sememangnya berfokus kepada bidang pendidikan di mana penerapan pengajaran berdasarkan multimedia dapat mengubah teknik pengajaran dan membawa pembaharuan dalam pendidikan.



1.9.4 Elemen

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), elemen merupakan sesuatu yg menjadi bahagian dlm sesuatu keseluruhan unsur. Kajian ini juga berfokus kepada penerapan elemen yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia bagi teks Sulalatus Salatin.

1.9.5 Multimedia

Multimedia merupakan kesepadan antara pelbagai media seperti teks, grafik, animasi, video, interaksi dan audio dalam satu persekitaran digital kerana mempunyai keupayaan interaktiviti bagi membolehkan pengguna mencapai maklumat keperluannya tanpa mengikut urutan. Oleh itu, kajian ini membincangkan tentang multimedia memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran teks Sulalatus Salatin.

1.11 Rumusan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian tentang penerapan pengajaran dan pembelajaran berasaskan multimedia dalam teks Sulalatus Salatin. Pada bab ini membincangkan penekanan terhadap teks Sulalatus Salatin melalui penerapan pengajaran berasaskan multimedia di mana pada bab ini dapat lihat dari segi permasalahan kajian ini dari segi teknik analisis pembacaan teks masih lagi digunakan dalam kalangan guru-guru terutamanya untuk teks Sulalatus Salatin boleh diaplikasikan dalam bentuk multimedia dan boleh digunakan sebagai bantu





mengajar. Kemudian, penyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian telah dibentangkan. Selain itu, kerangka konseptual, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional juga dijelaskan dalam bab ini. Oleh itu, bab ini adalah sebagai gambaran awal terhadap kajian yang dilakukan.

